

Musa minta swasta turut perangi dadah

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Musa Hitam hari ini meminta syarikat-syarikat swasta supaya membantu kerajaan memerangi wabak dadah.

Pemangku Perdana Menteri menggariskan empat bidang yang boleh disertai oleh sektor swasta sebagai sumbangan kepada kempen anti-dadah di negara ini, iaitu pelajaran, pencegahan dan publisiti, pemulihan dan penjagaan penagih-penagih dadah, latihan kemahiran dan memberi pekerjaan.

Dalam pertemuan dengan wakil lebih 100 buah syarikat swasta di sini, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Anti-Dadah Majlis Keselamatan Negara berkata, sektor swasta harus mensifatkan sumbangan mereka sebagai "perkhidmatan masyarakat" kerana sumbangan sedemikian akan memberi faedah kepada semua pihak.

Menurutnya, perang anti-dadah hendaklah dilihat sebagai satu lagi pernyataan Persyarikatan Malaysia dengan semua sektor dan kumpulan dalam masyarakat Malaysia bergerak bersama ke arah menghapuskan ancaman dadah.

"Saya berharap lebih banyak firma akan tampil ke hadapan menyertai dan membantu negara memerangi ancaman dadah dengan lebih berkesan.

"Saya juga berharap penyertaan sektor swasta dalam pembasmian dadah akan berterusan sepanjang masa," katanya.

Ini adalah pertemuan keempat antara Datuk Musa dan wakil-wakil pelbagai badan dan pertubuhan awam dan swasta untuk memberi penerangan dan mendapatkan bantuan serta kerjasama memerangi wabak dadah di negara ini.

Sebelum ini beliau pernah menemui wakil-wakil akhbar dan media massa, pertubuhan kebajikan, agama, belia serta parti politik dan ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan.

Dalam bidang pencegahan, Datuk Musa antara lain mengesyorkan syarikat-syarikat swasta supaya menganjurkan rancangan-rancangan pencegahan dalam firma



DATUK MUSA HITAM

mereka, untuk mencegah penagihan dadah di kalangan kakitangan, menggalakkan kakitangan menjadi kaunselor secara sukarela dan membiayai latihan mereka serta membiayai rancangan latihan atau kursus kaunseling bagi sukarelawan-sukarelawan.

Mereka juga boleh menyumbangkan kemudahan riadah dan sukan di kawasan-kawasan setinggan atau kawasan yang dikenali sebagai kawasan dadah, menganjurkan pameran, ceramah atau peraduan poster di sekolah-sekolah dan membiayai pengeluaran filem pendidikan mengenai dadah.

Mengenai pemulihan,

beliau mencadangkan supaya syarikat-syarikat swasta mewujudkan pusat-pusat pemulihan dan penjagaan; membiayai pembinaan tempat tinggal di pusat-pusat pemulihan, menyumbangkan peralatan latihan kemahiran dan vokasional, alat-alat mengesan dadah dan rekreasi atau sukan.

Mereka juga boleh menyumbangkan perpustakaan atau bahan bacaan kepada pusat-pusat pemulihan dan penjagaan dan membantu kegiatan-kegiatan sukarela Pemadam atau lain-lain badan bukan kerajaan.

Datuk Musa meminta mereka menimbang menyediakan latihan kemahiran dan aprentis kepada penagih-penagih menjelang pemulihan dan penjagaan di syarikat, kilang, loji atau ladang mereka.

Dalam bidang pekerjaan, beliau berharap mereka menyediakan peluang kerja kepada bekas penagih-penagih dadah kerana ia akan membantu golongan itu selepas dipulihkan.

Katanya, kebanyakan bekas penagih kembali kepada dadah kerana mereka tidak mempunyai pekerjaan dan ini boleh menggagalkan usaha kerajaan membasmi wabak itu.